

DS 1.9: Penyediaan Pembetungan Sanitari (Tangki Septik) di Kawasan Kampung

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Mempengaruhi aspek keselamatan, kesihatan dan kebersihan kawasan kampung.
- Kawasan desa perlu dilengkapi dengan sistem pembetungan dan rawatan sisa kumbahan yang efisien bagi mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar dan sumber air sekaligus meningkatkan tahap kesihatan awam masyarakat desa.

Komponen Cadangan:

- Penyediaan sistem pembetungan sanitari yang lengkap dengan tangki septik samada jenis individu atau komunal mengikut piawaian yang diluluskan SPAN.
- Penyelenggaraan tangki septik secara berkala sekurang-kurangnya setiap 2 tahun sekali.

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan terus oleh pihak agensi teknikal.
- Pelaksanaan dengan kerjasama awam dan swasta.
- Membuat kajian terperinci di tapak bagi mengenalpasti kesesuaian penggunaan jenis sistem tangki septik.

Sasaran Pembangunan:

- 100% kawasan desa menggunakan sekurang-kurangnya sistem tangki septik menjelang 2030.
- Selaras dengan DPF Desa Negara 2030 yang menasaskan penggunaan tangki septik menjelang 2030.

Foto: Contoh Tangki Septik Individu (IST)



Sumber: Laman Web Designuspro, 2019

CADANGAN LOKASTI

Cadangan ini melibatkan **tiga (3) kampung** sebagai **projek rintis dengan anggaran 226 buah rumah terlibat.**

Daerah	Kampung	Rumah (bil)
Batu Pahat	Kg Minyak Beku	118
Kluang	Kg Pt Kassan	88
Mersing	Kg Buau	20
Jumlah	-	


AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • JPKK • Pejabat Daerah 	<ul style="list-style-type: none"> • KPLB • SWCorp • BPEN • NGO/Swasta

ANGGARAN KOS

- Anggaran kos tangki septik (RM 4000 per unit) = RM 904,000

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik

Hampir keseluruhan kampung masih menggunakan tangki septik individu (IST) tradisional ataupun tangki curah yang tidak mengikut piawaian yang ditetapkan oleh SPAN. Kampung-kampung ini perlu sekurang-kurangnya menggunakan tandas sanitari yang lengkap dengan tangki septik yang diluluskan bagi mengurangkan risiko pencemaran sumber air dan alam sekitar.


Tangki septik ini pula perlu di selenggara (pengosongan tangki) sekurang-kurangnya sekali setiap dua (2) tahun untuk memastikan kualiti air sisa kumbahan yang dilepaskan berada pada tahap yang tidak mencemar alam sekitar. Penggunaan tandas sanitari juga sekaligus boleh meningkatkan tahap kesihatan awam di kawasan desa.

Pengurusan kemudahan pembetungan di kawasan ini perlu diberi keutamaan bagi mengelakkan penurunan kualiti alam sekitar, penularan wabak penyakit berpotensi memberi kesan kesihatan kepada penduduk kampung.

Bagi tujuan projek rintis, tiga (3) kampung bagi setiap daerah telah dipilih bagi menggantikan sistem pembetungan sedia ada kepada penggunaan tangki septik yang melibatkan anggaran 226 buah rumah. Antara kampung yang terlibat adalah:

- i. Kg Minyak Beku, Batu Pahat (118 rumah)
- ii. Kg Pt Kassan, Kluang (88 rumah)
- iii. Kg Teluk Rimba, Mersing (20 rumah)

Rajah 5.8: Contoh Penggunaan Tangki Septik Individu (IST)



Sumber: Portal Rasmi Indah Water Konsortium (IWK), 2021